

COMMON LAW DI MALAYSIA

OLEH

Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim
Sheikh Kulliyah Undang-Undang UIA

dan

Dato' Dr. Abdul Monir Yaakob
Fellow Kanan, IKIM.

Common Law di Mahkamah Sivil di Malaysia

Didalam Perkara 160(1) Perlembagaan Persekutuan "undang-undang" ditakrifkan sebagai termasuk undang-undang bertulis, common law setakat mana ia berkuatkuasa di Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dan mana-mana adat atau kelaziman yang mempunyai kuasa undang-undang di Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Apa yang dimaksudkan dengan "common law"? Pada asalnya dan dari segi sejarah Common Law merangkumi undang-undang adat lama England, yang melalui usaha hakim-hakim, telah terpakai bersama di seluruh England dan oleh kerana itu menjadi undang-undang kebangsaan, dibezakan dengan adat tempatan. Kemudiannya undang-undang yang berasal dari adat bersama di England itu telah diperkembang, diubahsuai dan dimajukan oleh hakim-hakim didalam keputusan-keputusan mereka, didalam beberapa perkara dan isu, dari zaman ke zaman. Secara am ia termasuk kaedah-kaedah undang-undang yang telah dimajukan di Mahkamah Common Law (common law khusus) dan Chancery di England (ekuiti).

Common Law England ini telah diterima pakai di negeri-negeri selat termasuk Pulau Pinang dan Melaka apabila ia dibawah Kerajaan British. Di negeri-negeri Melayu dan di Sarawak dan Sabah, hakim-hakim Inggeris yang mengetuahi Mahkamah Sivil telah menggunakan Common law England itu, apabila tidak terdapat undang-undang bertulis. Di negeri-negeri Melayu Bersekutu Enakmen Undang-Undang Sivil, 1937 telah memperuntukkan - "Melainkan sejauh mana peruntukan lain telah dibuat atau mungkin akan dibuat oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di

negeri-negeri Melayu Bersekutu Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England pada permulaan Enakmen ini, selain daripada ubahsuaian undang-undang yang tertentu atau mana-mana kaedah-kaedah tertentu oleh statut, hendaklah berkuatkuasa di negeri-negeri Melayu Bersekutu;

Dengan syarat Common Law dan kaedah-kaedah ekuiti yang akan berkuatkuasa di negeri-negeri Melayu Bersekutu itu hanya setakat yang izinkan oleh keadaan-keadaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan penduduk-penduduknya dan tertakluk kepada apa-apa syarat-syarat yang keadaan tempatan menjadikannya perlu".

Enakmen itu telah diperluaskan ke negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu oleh Ordinan Undang-Undang Sivil (Perluasan), 1951. Pada tahun 1956, pemakaian Common law dan kaedah-kaedah ekuiti bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah diselaraskan oleh Ordinan Undang-Undang Sivil, 1956 dan pada tahun 1972 Ordinan itu telah disemak dan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil memperuntukkan -

(1) Melainkan ada ubahsuaian yang telah dibuat atau akan dibuat oleh undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malayusia, mahkamah hendaklah;

(a) di Malaysia Barat atau di mana-mana bahagian daripadanya memakai common law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956;

(b) di Sabah, memakai common law England dan kaedah-kaedah ekuiti, bersama dengan statut-statut pemakaian am, seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 1 Disember 1951;

(c) di Sarawak, menguatkuasakan common law England dan kaedah-kaedah ekuiti bersama dengan statut-statut pemakaian am seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 12 Disember 1949, tetapi bertakluk kepada sub-seksyen 3(ii):

Dengan syarat bahawa common law, kaedah-kaedah ekuiti dan statut pemakaian am tersebut akan dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan-keadaan di negeri-negeri dalam Malaysia dan penduduknya dan tertakluk kepada penyesuaian-penyesuaian seperti yang dianggap perlu oleh keadaan-keadaan tempatan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan nyata dalam Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain yang berjalan kuatkuasanya di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya, jika terdapat pertentangan di antara common law dengan kaedah ekuiti dalam soal yang sama, kaedah-kaedah ekuiti akan diutamakan.

Seksyen 5 Akta itu pula memperuntukan -

(1) Dalam semua soal dan isu yang timbul dan yang harus diputuskan di Negeri-Negeri Malaysia Barat berkenaan dengan undang-undang perkongsian, perbadanan, bank dan urusan bank, prinsipal dan ejen, pengangkutan dengan jalan udara, darat dan laut, insurans laut, kerugian laut (average), insurans api dan nyawa, dan berkenaan dengan undang-undang persaudagaran umumnya, undang-undang yang akan ditadbirkan hendaklah sama seperti undang-undang yang ditadbirkan di England dalam perkara yang serupa itu pada tarikh undang-undang ini dikuatkuasakan, seolah-olah soal atau isu tersebut telah timbul atau harus diputuskan di England,

kecuali dalam mana-mana keadaan di mana peruntukan lain telah atau akan dibuat dalam mana-mana undang-undang tertulis.

(2) Dalam semua soal atau isu yang timbul atau yang terpaksa diputuskan di Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak berkenaan dengan undang-undang mengenai perkara-perkara yang tersebut dalam sub-sesyen terdahulu daripada ini, undang-undang yang akan ditadbirkan hendaklah sama seperti yang ditadbirkan di England dalam perkara-perkara yang serupa pada masa yang sama seolah-olah soal atau isu tersebut timbul atau harus diputuskan di England, kecuali dalam mana-mana keadaan peruntukan lain telah atau akan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Rayuan kepada Privy Council di England telah dihapuskan didalam kes-kes dharurat pada 4 Oktober 1975, didalam kes-kes jenayah pada 1 Januari 1978 dan didalam kes-kes sivil pada 1 Januari 1985. Hakim-hakim Mahkamah Sivil dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Agung semuanya adalah dipilih dari rakyat Malaysia. Sayangnya undang-undang di Malaysia belum merdeka dan kita masih terikat dengan keputusan-keputusan kes-kes di England.

Didalam ucapannya atas tajuk "Common law, satu Kayalan atau Kenyataan" di Universiti Islam Antarabangsa pada 24 Februari 1990 Tun Abdul Hamid Omar, Ketua Hakim Negara telah berkata maksudnya -
 "Pada pandangan saya oleh kerana negara kita adalah negara yang merdeka dan berdaulat, seksyen 3 (Akta Undang-Undang Sivil) dengan rujukannya kepada "Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 haribulan April 1956, tidak boleh dipertahankan dari segi politik. Dengan

perkataan lain, saya menganjurkan pendakwaan kemerdekaan kehakiman dan satu langkah yang penting untuk mewujudkan identiti kebangsaan ialah pemansuhkan atau pindaan kepada seksyen 3 itu". Beliau telah merujuk kepada pendapat Prof. L.C. Green didalam makalahnya "Mengisi kekosongan didalam undang-undang" (1963) dimana dikatakan "Memandang kepada taraf dan kedudukan politik yang bertambah didua-dua negara itu (Malaysia dan Persekutuan Tanah Melayu) dan memandang juga kepada kemungkinan perubahan yang lebih pesat dengan tertubuhnya Malaysia, mungkin telah jadi pembuktian satu pandangan yang kuno dan juga yang berlawanan dengan martabat kebangsaan membuat peruntukan untuk menokok undang-undang tempatan apabila terdapat kekosongan dengan membuat rujukan kepada sistem asing samada ia sistem penjajah dahulu atau bukan".

Jika kita mentafsirkan seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil, 1956, dengan ketat dan mengikut perkataannya, Mahkamah di Malaysia adalah terikat memakai Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada tahun-tahun yang disebut didalamnya, iaitu pada 7 April 1956 di Malaysia Barat, pada 1 Disember 1951 di Sabah dan pada 12 Disember 1949 di Sarawak. Akan tetapi dengan keputusan Privy Council didalam kes Jamil bin Harun lwn Yang Kamsiah dan seorang lain [1984] 1 MLJ 217 telah diberi sedikit kebebasan kepada Mahkamah di Malaysia. Lord Scarman didalam kes itu berkata maksudnya -

"Kami para Hakim tidak merasa ragu bahawa adalah terpulang kepada mahkamah-mahkamah di Malaysia untuk memutuskan, sentiasa tertakluk kepada undang-undang statut Persekutuan, sama ada mereka harus mengikut undang-undang kes Inggeris. Nas-nas moden Inggeris mungkin menyakinkan, tetapi nas-nas tersebut tidak mengikat. Untuk memutuskan sama ada mereka boleh menerima panduan nas-nas tersebut atau tidak mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada keadaan negeri-

negeri di Malaysia dan hendaklah berwaspada memakai nas-nas tersebut setakat mana undang-undang bertulis benarkan dan tidak lebih dari apa yang pada pandangan para hakim itu adil membuta demikian. Mahkamah Persekutuan adalah layak untuk menentukan sama ada dan setakat mana panduan nas moden Inggeris harus diterima. Dalam rayuan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council pada lazimnya akan menerima pandangan Mahkamah Persekutuan mengenai kesan menyakinkan undang-undang kes moden Inggeris didalam keadaan Negeri-negeri di Malaysia, melainkan jika boleh ditunjukkan bahwa Mahkamah Persekutuan tidak terlihatkan atau telah salah tafsir peruntukan statut yang tertentu atau telah melakukan kesilapan dari segi prinsip undang-undang yang diiktiraf atau diterima di Malaysia."

Akta Undang-Undang Sivil 1956 itu juga telah menghalang mengadakan satu undang-undang kebangsaan untuk seluruh Malaysia. Ini disebabkan kerana perbezaan yang dibuat antara negeri-negeri di Malaysia didalam seksyen 3 dan 5 Akta itu. Seksyen itu menyebut pemakaian common law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti ditadbirkan di England pada 7 April 1956 untuk Malaysia Barat; akan tetapi untuk Sabah pemakaiannya ialah common law England dan kaedah-kaedah ekuiti, bersama dengan statut-statut pemakaian am seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 1 Disember 1951, dan di Sarawak pula pemakaian common law England dan kaedah-kaedah ekuiti bersama dengan statut-statut pemakaian am seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 12 Disember 1949 tetapi tertakluk kepada subseksyen 3(ii). Seksyen 5 pula membezakan antara negeri-negeri Melayu, dimana undang-undang persaudagaran boleh diterima pada 7 April 1956, dan Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dimana undang-undang itu boleh diterima seperti ditadbirkan di England pada masa yang sama kes itu berlaku di Malaysia.

Syarat kepada seksyen 3(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956, membolehkan penyesuaian dibuat memandang kepada keadaan negeri-negeri dalam Malaysia dan penduduknya, akan tetapi boleh dikatakan penyesuaian seperti itu jarang dibuat. Tan Sri Hashim Yeop A. Sani pada Februari 10, 1989 di Univeristi Islam Antarabangsa telah berkata maksudnya -

"Pada pandangan saya jelaslah penggubal British bagi Akta Undang-Undang Sivil, 1956, yang asal, telah menjangka perkembangan common law kita sendiri. Syarat kepada Seksyen 3(1) Akta itu dengan jelas membolehkan mahkamah-mahkamah kita dari tarikh-tarikh yang disebutkan didalam seksyen itu mengubahsuai dan memajukan undang-undang kita. Pada hemat saya ia dimaksudkan untuk memajukan common law kita berasaskan kepada nilai-nilai tempatan dan bukan kepada nilai-nilai British. Didalam pengubahsuaian dan perkembangan itu Mahkamah-mahkamah boleh menanamkan nilai-nilai tempatan termasuk nilai-nilai Islam, dan nilai-nilai berbagai kaum dan agama di negara ini dan prinsip-prinsip sejagat mengenai keadilan dan perasaan hati yang baik".

Sayangnya hakim-hakim di Malaysia dengan hormatnya telah tidak menunjukkan kebolehan atau minat mereka untuk mengubahsuai common law England mengikut keizinkan keadaan negeri-negeri dan penduduknya dan keadaan tempatan. Jarang sekali, boleh dikatakan juga tidak sama sekali, terdapat kes dimana umpamanya undang-undang Islam telah dirujukan untuk mengubahsuai common law England. Jika ada pengubahsuaian apa yang dibuat ialah memilih sesuatu undang-undang Inggeris dan menolak undang-undang Inggeris yang lain, seperti umpamanya didalam kes Government of Malaysia lwn Lim Kit Siang [1988] 2 MLJ 41. Jika kita merujuk kepada kes-kes yang diputuskan di mahkamah kita dapati rujukan yang dibuat kepada kes-kes yang diputuskan di England atau negara Komanwel dan Amerika Syarikat yang

mengikut common law dan jarang ada rujukan kepada negeri-negeri yang mengikut undang-undang sivil, seperti Perancis atau German, atau kepada negeri-negeri di timur seperti Cina, Jepun, Thailand, Indonesia atau Filipina; dan tidak sekali kepada undang-undang Islam di Arab Saudi, Iran atau Pakistan. Seorang Islam di Malaysia lebih suka mengikut undang-undang Islam dari undang-undang Inggeris dan seharusnya Common Law England diubahsuaikan untuk keadaan mereka. Mahkamah Sivillah yang jarang merujuk kepada dan menggunakan nilai-nilai Islam sejagat yang boleh diterima oleh kaum-kaum lain di Malaysia.

Kesan common law England terdapat bukan sahaja didalam memutuskan kes-kes dimana tidak ada undang-undang bertulis akan tetapi oleh kerana penggunaan doktrin duluan mengikat, kesan itu terdapat juga didalam mentafsirkan undang-undang bertulis. Undang-Undang tempatan yang dibuat untuk keadaan dan keperluan di Malaysia boleh ditafsirkan mengikut prinsip Common Law England. Seperti yang disebut oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamed didalam membentangkan rang undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) pada 3 Disember 1987 -

"Tuan Yang di Pertua, demikilanlah proses membuat undang-undang di negara kita yang demokratik ini. Prosesnya tidak mudah. Undang-undang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya, dengan sesuka hati satu atau dua orang, atau dengan sesuka hati wakil-wakil rakyat yang dipilih. Tidak mudah bagi Kerajaan membuat undang-undang. Tapisan demi tapisan, kajian demi kajian terpaksa dilakukan sebelum sesuatu rang undang-undang diterima sebagai undang-undang negara yang sah. Kerap kali rang undang-undang atau pindaan mengambil beberapa bulan atau tahun sebelum diluluskan.

Jika undang-undang yang digubal dan disahkan dengan begitu payah diketepikan dengan begitu sahaja, apakah gunanya kita membuat undang-undang? Apa gunanya kita bersusah-payah memilik 'legislators' ataupun pembuat undang-undang? Apa gunanya kita mengadakan Dewan Rakyat dan Dewan Negara? Apa guna kita bermesyuarat, berbincang, bertukar fikiran seperti yang ditegaskan dalam doa Dewan-dewan ini?

Tuan Yang di Pertua, tetapi ada pihak yang berkata bahawa tujuan sesuatu undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat tidak ada kena-mengena dengan penguatkuasaan undang-undang itu. Pihak yang mentafsir undang-undang tidak perlu samada sekali menimbangkan sebab-sebabnya undang-undang digubal. Kata pakar undang-undang ini, yang perlu ialah pentafsir undang-undang mentafsirkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam undang-undang. Perkataan itu adalah lebih penting daripada niat, walaupun jelas ada tujuan-tujuan tertentu yang mendorong pembentukan undang-undang itu.

Tuan Yang di Pertua, malangnya apabila perkataan yang digunakan begitu jelas sehingga tidak mungkin disalah-tafsir, pentafsir menggantikan undang-undang ini dengan undang-undang tidak bertulis yang begitu umum sehingga boleh ditafsirkan mengikut sesuka hati pentafsir dalam kes-kes tertentu. Kadang-kadang tafsiran yang bertentangan digunakan dalam satu kes, berbanding dengan satu kes yang lain. Maka dengan itu pihak Kerajaan tidak akan mengetahui samada Kerajaan bertindak mengikut undang-undang ataupun tidak. Apa sahaja keputusan Kerajaan boleh dicabar oleh sesiapa sahaja dan ditolak dengan sewenang-wenangnya.

Undang-Undang tidak bertulis yang dimaksudkan ialah English Common Law, natural justice, judicial review dan sebagainya.

Apakah dianya English Common Law? Mengikut Professor R.H. Hickling, seorang pensyarah undang-undang yang mahir dengan undang-undang di Malaysia, English Common Law berasal dari adat resam dan falsafah orang Inggeris. Ia tidak sama dengan asas undang-undang di negara-negara Eropah yang lain di mana Civil Law digunakan. Sudah tentu ia tidak secocok dengan hukum-hukum adat orang-orang Melayu atau lain-lain kaum di Malaysia.

Dalam konsep British, yang berasaskan kepada pertandingan sukan yang digemari oleh mereka, dalam setiap masalah ada dua pihak; iaitu pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa. Untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka ini diperlukan seorang pengadil dan keputusan pengadil adalah muktamad dan tidak boleh disoal ataupun dicabar.

Sekali dipandang, cara ini amat sesuai untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Tetapi apa akan terjadi jika pengadil tersalah atau jelas ia berat sebelah? Dalam sukan, rayuan boleh dibuat kepada badan lain seperti board yang dianggotai bukan semata-mata oleh pengadil-pengadil tetapi juga oleh beberapa pihak lain. Kemungkinan berat sebelah berlaku dikurangkan dengan cara ini.

Tuan Yang di Pertua, yang menjadi masalah ialah dalam undang-undang yang tidak bertulis orang yang didakwa tidak mungkin tahu apa yang ada dalam pemikiran pengadil. Jika pengadil membuat rujukan kepada kes-kes terdahulu di Britain atau lain-lain negara, yang didakwa tidak mungkin tahu yang mana satu kes yang akan

menjadi punca rujukan. Asas-asas kes-kes yang terdahulu tidak selalunya sama. Dengan demikian maka pihak yang perlu bertindak, terutama Kerajaan dalam menjalankan tugas-tugasnya, tidak mungkin tahu apakah asas yang akan mempengaruhi pihak pengadil. Mungkin Kerajaan British tahu tetapi Kerajaan seperti di Malaysia tidak tahu akan selok-belok Undang-undang Adat British ataupun English Common Law ini. Amat sukar bagi sesuatu Kerajaan menjalankan tugasnya jika ia tidak tahu di bawah undang-undang apa yang ia dibertindak, tidak tahu ia bersalah ataupun tidak. Semuanya bergantung kepada pengadil berkenaan, lain pengadil mungkin lain pula tafsiran yang dibuat bagi undang-undang yang tidak bertulis ini.

Professor Hickling dalam bukunya "Malaysian Law" telah berkata bahwa mendewadewanya English Common Law ini akan menjadikan kita gila. Seperti kata beliau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "..... but whatever system is to be adopted should grow out of and be in harmony with the nature of the people it is designed to serve, for otherwise it will work to injustice. For those English and American Lawyers who see in "Our Lady the Common Law" a figure of romance so powerful, as to convert the common law itself almost into a religion. That way, madness lies."

Demikian juga dengan undang-undang lain yang tidak bertulis "Natural Justice" atau "Keadilan Asasi" boleh ditafsir dengan bermacam-macam tafsiran mengikut budibicara pengadil yang terlibat. Di zaman dahulu, di Britain seorang yang mencuri kambing boleh dihukum gantung. Sekarang pembunuh pun tidak boleh dihukum mati. Jika hendak difikir secara logik yang natural, yang betul-betul 'natural justice' ialah "an eye for an eye, a tooth for a tooth", dengan izin.

Kita tahu pada satu masa dahulu hubungan seks sejenis dianggap salah di Britain. Tetapi sekarang sodomy tidak salah jika kedua-dua pihak bersetuju. Mungkin ini dianggap 'natural' sekarang. Mungkin juga dengan 'Common Law Wife' yang telah menghasilkan kesedudukan di Britain sebagai perkara natural yang diterima oleh masyarakat. Tetapi pemikiran yang sebegini tidak dianggap natural di Malaysia. Dengan itu kita sepatutnya tidak menggunakan konsep natural justice British ini. Banyak yang tidak natural bagi kita. Lebih baik kita pegang kepada undang-undang bertulis kita. digubal dan ditafsir oleh pentafsir undang-undang, kemungkinan pertimbangan yang meringkas kepada pendirian pentafsir berkenaan akan bertakrif. Judicial review pula memberi kuasa yang tidak terhad kepada pentafsir undang-undang sehingga mereka boleh meniadakan pelaksanaan atau penguatkuasaan apa sahaja undang-undang. Tiada siapa yang boleh meneka apakah hasil review oleh seorang pengadil kerana ia bergantung kepada budibicara orang berkenaan. Dengan diputuskan bahwa siapa sahaja boleh mendakwa Kerajaan, maka Kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat. Setiap keputusan boleh dicabar dan mungkin ditolak. Dengan itu Kerajaan tidak lagi menjadi executive. Pihak lain sudah mengambil alih tugas ini. Mekanisme 'checks and balance' supaya tiada siapa pun dapat melampaui batasannya. Jika penggubal undang-undang juga menjadi pelaksana Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini dipinda kerana Kerajaan yang mewakili rakyat berpendapat amatlah bahaya jika pentadbiran negara ditafsirkan mengikut budibicara dua tiga orang sahaja. Walau bagaimana bijak sekalipun orang-orang ini, sebagai manusia biasa mereka mempunyai perasaan yang boleh mempengaruhi fikiran dan pendirian mereka. Bukanlah satu perkara yang mustahil bahawa tafsiran dibuat bukan sebagai terkecuali tetapi kerana nilai dan kepercayaan tertentu yang ada dan mempengaruhi pihak pentafsir tersebut.

Di dalam bukunya "The Politics of the judiciary" seorang penulis British yang bernama J.A.G. Griffith dari London School of Economics dan Political Science telah berkata, dengan izin, "Every practising barrister knows before which judges he would prefer not to appear in a political case because he believes that certain judges are much more likely than others to be biased against certain groups". Ini jelas membuktikan bahwa bukan pertimbangan yang wajar yang menentukan keputusan pengadil tertentu tetapi sifat yang ada pada mereka. Jika undang-undang digubal dan ditafsir oleh pentafsir undang-undang, kemungkinan pertimbangan yang mirip kepada pendirian pentafsir berkenaan akan bertambah. Apabila undang-undang yang tidak bertulis digunakan maka sebenarnya pengadil membentuk undang-undangnya sendiri dan ia tentulah akan bias kepada undang-undangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam demokrasi, kita membahagikan tugas kepada tiga pihak, iaitu pihak penggubal undang-undang ataupun legislators, pihak pelaksana undang-undang dan dasar atau executive, dan pihak pengadil ataupun judiciary. Sepatutnya pihak-pihak ini melakukan 'checks and balance' supaya tiada siapapun dapat melampaui batasannya. Jika penggubal undang-undang juga menjadi pelaksana dan pengadil maka 'checks dan balance' dalam demokrasi tidak akan dapat diamalkan. Perkara ini sudahpun berlaku di Malaysia. Oleh itu Kerajaan berhajat untuk 'codify' iaitu menentukan melalui undang-undang khusus berkenaan dengan kuasa dan tugas masing-masing bagi ketiga-ketiga pihak supaya dapat mereka melakukan tugas 'checks and balance' dengan sempurna.

Cetak dan Penerbitan 1964 yang telah saya jelaskan.

Sementara itu Kerajaan berhajat untuk membuat undang-undang yang tidak boleh disalah-tafsir oleh sesiapa. Itulah pindaan yang dibuat sekarang terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dengan pindaan ini pengeluar dan pengimport bahan cetak akan tahu dengan jelas apa yang baik bagi negara kita dan mereka dapat mengawal diri mereka. Kebebasan akhbar bukanlah absolute. Di mana-mana juga akhbar dicontrol bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Tetapi pihak itu mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja. Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk kita ini. Undang-undang yang seperti yang dipinda hari ini bukan hanya terdapat di Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan.

Hakikat yang perlu kita beri perhatian yang serius ialah kestabilan dan pembangunan negara kita yang berbilang kaum ini. Jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mungkin mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini.

Inilah sahaja yang mendorong Kerajaan membuat beberapa pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang telah saya jelaskan."

Undang-undang Islam dan pentadbiran undang-undang Islam juga boleh ditafsirkan oleh Mahkamah Sivil dan memanglah tidak wajar jika undang-undang itu ditafsirkan bukan mengikut keadaan dan keperluan tempatan dan penduduk-penduduk Islam akan tetapi ditafsirkan mengikut Common Law England.

Sekurang-kurangnya seksyen 3 dan 5 Undang-Undang Sivil 1956, hendaklah dipinda dengan memansokhkan semua rujukan kepada Common Law England dan undang-undang dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England. Sebaliknya kita harus merujuk kepada keputusan-keputusan Mahkamah di Malaysia yang mengikut undang-undang di Malaysia dan memberi keutamaan kepada keadaan tempatan di negeri-negeri di Malaysia dan penduduknya.